

**MODEL PEMBELAJARAN RAKAN SEBAYA
DALAM PENGUASAAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN JASMANI DI SABAH**

MELVIA KINJUAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

MODEL PEMBELAJARAN RAKAN SEBAYA DALAM PENGUASAAN
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DI SABAH

MELVIA KINJUAN

PROJEK AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

PENGHARGAAN

Puji tuhan, bersyukur kepada tuhan dengan limpah dan kurnianya serta nikmat masa yang dianugerahkan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini. Melalui ruang yang terbatas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Abd Rahim bin Mohd Shariff selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang amat bermakna kepada saya selama proses menyiapkan kajian ini daripada peringkat awal perancangan sehingga peringkat akhir kajian.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Universiti Pendidikan Jasmani Sultan Idris, pihak fakulti dan pihak sekolah SMK St Peter Bundu Kuala penyu yang telah memberikan kebenaran dan menyokong saya dalam membuat kajian ini. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pelajar tingkatan 2 SMK St Peter Bundu Kuala penyu kerana telah memberikan komitmen mereka terhadap kajian ini.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada kedua ibu bapa saya yang telah membantu dari aspek kewangan dan sokongan moral. Berkat doa mereka, saya berjaya menyiapkan laporan akhir pada tahun ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu dalam memberi idea sepanjang tugas ini dijalankan. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan laporan akhir tahun ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya dalam meningkatkan prestasi belajar pendidikan jasmani berdasarkan persepsi pelajar tingkatan 2 SMK ST Peter Bundu, Kuala Penyu, Sabah. Kajian ini melibatkan seramai 56 yang terdiri daripada 32 orang pelajar perempuan dan 24 orang pelajar lelaki tingkatan 2 SMK ST Peter Bundu, Kuala Penyu, Sabah. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu kekerapan, peratus dan ujian-T tidak bersandar dengan pengukuran berulang melalui perisian IBM SPSS. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran rakan sebaya mempunyai keberkesanan dalam meningkatkan prestasi serta tahap penguasaan psikomotor, afektif dan kognitif pelajar berbanding menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Dapatan kajian telah menunjukkan nilai ($t=6.538$ dan tahap signifikan $p>.000$), dimana tahap signifikan lebih kecil daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh sebab itu, hipotesis nul 1 (H_0) ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan prestasi pembelajaran pendidikan jasmani menggunakan kaedah pembelajaran rakan sebaya dan pembelajaran tradisional. Kesimpulannya, kaedah berlandaskan pelajar dapat meningkatkan prestasi pembelajaran berbanding kaedah pembelajaran berlandaskan guru. Implikasinya, kajian ini telah mencadangkan penggunaan kaedah pembelajaran rakan sebaya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani yang dapat meningkatkan prestasi penguasaan pembelajaran terutama psikomotor, kognitif dan afektif



ABSTRAK

This study aims to assess the effectiveness of the peer learning model in improving physical education learning achievement based on the perception of students from 2 SMK ST Peter Bundu, Kuala Penyu, Sabah. This study involved 56 students consisting of 32 female students and 24 male students from 2 SMK ST Peter Bundu, Kuala Penyu, Sabah. The data of this study was analysed by descriptively and inferentially namely frequency, percentage, and unstandardized T-test with repeated measurements through IBM SPSS software. The results of this study have shown that the peer learning method has effectiveness in improving performance as well as the psychomotor, affective, and cognitive mastery levels of students compared to using traditional learning methods. The results of the study have shown a value of ($t=6.538$ and a significant level of $p>.000$), where the significant level is smaller than 0.05 ($p>0.05$). Therefore, the hypothesis null 1 (H_0) is rejected because there is a significant difference in physical education learning achievement using the peer learning method and traditional learning. In conclusion, student-based methods can improve learning performance compared to teacher-based learning methods. The implication is that this study has suggested the use of peer learning method in Physical Education teaching and learning which can improve learning mastery achievement especially psychomotor, cognitive, and affective.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Persoalan kajian	8
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Definisi operasional	10
1.8 Hipotesis kajian	12
1.9 Batasan kajian	14
1.10 Rumusan	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Kajian teori	17
2.2.1 Teori gaya pembelajaran	18
2.2.2 Teori Kognitif	20
2.3 Kajian berkaitan	
2.3.1 Model pembelajaran rakan sebaya	22
2.3.2 Tahap keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya dalam pendidikan jasmani	25
2.3.3 Faktor-faktor berlakunya peningkatan prestasi pelajar melalui kaedah pembelajaran rakan sebaya	28
2.4 Rumusan	30

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka bentuk kajian	32
3.3 Populasi dan persampelan	
3.3.1 Populasi kajian	35
3.3.2 Sampel kajian	35
3.4 Pembolehubah kajian	
3.4.1 Pembolehubah bebas	37

3.4.2 Pembolehkan bersandar	37
3.5 Teknik pengumpulan data	38
3.5.1 Ujian pasca	38
3.6 Analisis Data	47
3.7 Prosedur kajian	49
3.8 Rumusan	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	53
4.2 Analisis deskriptif	54
4.2.1 Analisis Jantina Responden	55
4.2.2 Analisis Berat Responden	56
4.2.3 Analisis Tinggi Responden	57
4.2.4 Analisis BMI Responden	54
4.2.5 Analisis pemarkahan Responden	59
4.2.6 Analisis statistik deskriptif keseluruhan	61
4.3 Analisis inferensi	63
4.3.1 Hipotesis 1	64
4.3.2 Hipotesis 2	65
4.3.3 Hipotesis 3	66
4.3.4 Hipotesis 4	67
4.4 Kesimpulannya	68

BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	69
5.2 Perbincangan dapatan kajian	
5.2.1 Perbincangan model pembelajaran rakan sebaya	70
dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pendidikan jasmani	
5.2.2 Perbincangan model pembelajaran rakan sebaya	72
membantu meningkatkan tahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif.	
5.3 Kesimpulannya	76
5.4 Cadangan	78
RUJUKAN	80
LAMPIRAN	81

SENARAI JADUAL

NO JADUAL

MUKA SURAT

4.2.1 Analisis Jantina Responden	55
4.2.2 Analisis pemarkahan Responden	59
4.2.3 Analisis statistik deskriptif keseluruhan	61
4.3.1 Hipotesis 1 (Psikomotor)	64
4.3.2 Hipotesis 2 (Kognitif)	65
4.3.3 Hipotesis 3 (Afektif)	66
4.3.4 Hipotesis keseluruhan	67

SENARAI RAJAH

NO RAJAH

MUKA SURAT

3.2 Reka bentuk perbandingan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	34
4.2.2 Analisis Berat responden	56
4.2.3 Analisis Tinggi Responde	57
4.2.4 Analisis BMI Responden	58

SENARAI SINGKATAN

PDP	Pembelajaran rakan sebaya
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK-21	Pembelajaran abad Ke 21
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
NASPE	The National Association for Sports and Physical Education
SMPB	Smk St Peter Bundu

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Psikomotor
Lampiran B	Borang Kognitif
Lampiran C	Borang Afektif
Lampiran D	Borang keseluruhan



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pada zaman globalisasi ini, sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Malaysia kerap kali berubah-ubah mengikut peredaran dan keperluan semasa. Menurut Yap Kain Ching (2015) sistem pendidikan menjadi semakin moden dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin membangun. Pendidikan merupakan elemen yang penting bagi sebuah negara dalam membangun masyarakat yang maju dari segi



ekonomi, politik dan sosial. Menurut, bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan (2006) kurikulum pendidikan perlulah berkualiti bagi melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, memiliki keperibadian mulia, modal insan yang sihat dan cergas dalam meningkatkan produktiviti negara supaya mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha untuk meningkatkan pendidikan negara bertaraf dunia dengan meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan terutama sekolah sebagai satu institusi perkembangan ilmu. Kurikulum pendidikan di Malaysia perlulah mengikut peredaran zaman agar dapat memastikan pelajar mempunyai ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran abad ke-21 iaitu kemahiran komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti (KPM, 2013).

Mata pelajaran pendidikan jasmani merupakan satu sistem pendidikan negara untuk membangun pelajar yang aktif dalam aktiviti fizikal, sukan, rekreasi dan sosial. Proses pembelajaran dalam pendidikan jasmani melibatkan seorang pendidik dan pelajar. Masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran pendidikan jasmani sangatlah beragam. Hal ini kerana, Pendidikan Jasmani bukannya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar tetapi juga meningkatkan jasmani, emosi, rohani dan intelektual pelajar tersebut. Berdasarkan pernyataan *national association for sport and physical education (2001)* kurikulum pendidikan jasmani memberi fokus kepada perkembangan domain psikomotor, kognitif, afektif dan kecergasan fizikal bagi



melahirkan generasi muda yang holistik, sihat dan cergas untuk memikul tanggungjawab dalam membangunkan negara ke arah kecemerlangan.

Guru akan memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Smith & Pierre (2009) menyatakan bahawa guru perlulah kreativiti dan cekap dalam merancang strategi pengajaran, memilih pendekatan dan teknik yang sesuai bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Kaedah pembelajaran langsung adalah salah satu pendekatan yang kerap kali digunakan oleh guru Pendidikan Jasmani untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam kaedah pembelajaran langsung ini, guru mempunyai peranan penting kerana semua keputusan dari awal hingga akhir berdasarkan guru. Menurut Gallahur (1993) kaedah pembelajaran langsung berdasarkan teori pembelajaran tingkah laku yang menerangkan bahawa pembelajaran itu berlaku dari luar kedalam melalui pembentukan semula peristiwa-peristiwa yang betul.

Namun begitu, kaedah pembelajaran langsung ini dinyatakan sukar untuk mencapai objektif standard pembelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan kerana ia tidak mengambil kira perbezaan individu pelajar dan menganggap semua pelajar mempunyai tahap pencapaian pembelajaran yang sama. Selain itu, kaedah ini juga lebih mementingkan matlamat atau hasil pengalaman pembelajaran daripada proses pembelajaran yang jelas tidak mencapai matlamat mata pelajaran jasmani iaitu meningkatkan secara bertahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif pelajar.

Menerusi perkembangan semasa dan seiring peredaran globalisasi, kaedah Model pembelajaran rakan sebaya (peer Teaching) merupakan salah satu pendekatan



yang dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini didukung oleh Ayse Dilsad (2018) iaitu model Pembelajaran rakan sebaya mampu meningkatkan kemampuan kognitif, psikomotor dan afektif pelajar dalam bidang pendidikan jasmani berbanding dengan pembelajaran konvensional yang berpusatkan guru. Hal ini kerana pembelajaran rakan sebaya menggunakan kaedah dimana kedua-dua pihak dapat berinteraksi secara dua hala. Dengan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya dalam meningkatkan prestasi belajar Pendidikan Jasmani di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan jasmani adalah proses pembelajaran yang menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal kanak-kanak. Menurut Sieden top &Tannehill (2000) pendidikan jasmani dapat membantu pelajar memperoleh kemahiran psikomotor, kognitif dan afektif. Namun begitu, penglibatan pelajar di sekolah dalam pembelajaran yang melibatkan aktiviti fizikal masih berada pada tahap yang rendah. Menurut ismail & muhamad (2015) pendidikan jasmani terutama di sekolah menengah mengalami ketidakstabilan akibat kurangnya minat dalam kalangan pelajar. Hal ini disebabkan, kurangnya kepekaan guru terhadap penekanan penguasaan pembelajaran pendidikan jasmani yang mengakibatkan penguasaan proses mental serta dorongan motivasi di dalam pembelajaran pada tahap yang rendah.



Oleh sebab itu, seorang pendidik perlulah bersedia dalam membentuk sesuatu revolusi dalam pembelajaran yang dapat mengubah cara pembentukan dan perkembangan pengetahuan murid, terutamanya dari segi minat dan penguasaan sesuatu kemahiran (Ali et al, 2014). Strategi pembelajaran yang digunakan perlulah lebih kondusif dan sistematik agar dapat mencapai objektif pembelajaran.

The National Association for Sports and Physical Education [NASPE] (1995) telah menyatakan bahawa pembelajaran peer teaching atau rakan sebaya merupakan strategi pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan psikomotor, kognitif dan afektif pelajar. Pernyataan ini juga didukung dengan pernyataan Siedentop dan tennehill (2000) yang mencadangkan pembelajaran rakan sebaya sebagai amalan terbaik untuk mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar. Hal ini kerana, pembelajaran rakan sebaya ialah teknik pengajaran berpusatkan pelajar sesuai dengan proses pembelajaran Pak-21 (Mosston & Ashworth 1998, 2002). Kajian tersebut telah dilakukan di negara moden seperti Australia.

Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk memberi tumpuan kepada objektif penyelidik bagi mengetahui keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya kepada sistem pendidikan jasmani di Malaysia dari aspek psikomotor, kognitif dan afektif bagi melahirkan pelajar yang mampu bersaing dalam era globalisasi ini. Berdasarkan keberkesanan tahap penguasaan model pembelajaran rakan sebaya yang diperolehi dari pelajar, pengkaji akan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan prestasi tersebut.





1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran abad ke 21 (PAK-21) menjadi dominan dalam pengisian transformasi pendidikan negara melalui pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. KPM menyatakan bahawa perubahan dalam sistem pendidikan iaitu pembelajaran abad ke 21 telah dilakukan yang melibatkan proses pembelajaran berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta mengaplikasikan nilai murni dan etika (KPM,2013). Pembelajaran dalam pendidikan jasmani adalah proses pembelajaran yang aktif untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, bukannya bersifat pasif seperti mengingat fakta atau teori.

Pembelajaran rakan sebaya adalah satu model pembelajaran yang efektif dan sesuai dengan elemen pembelajaran yang digubah oleh KPM iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar. Menurut Ayse Dilsad (2018) model pembelajaran pembelajaran rakan sebaya secara signifikan mampu meningkatkan kemampuan kognitif, psikomotor dan afektif pelajar dalam bidang pendidikan jasmani berbanding dengan pembelajaran konvensional yang hanya berpusatkan guru.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Jenkinson, Naughton & Benson (2014) menyatakan bahawa pembelajaran rakan sebaya telah terbukti menjadi strategi pengajaran yang efektif dalam meningkatkan kualiti waktu pembelajaran, meningkatkan aktiviti jasmani, meningkatkan kemahiran pergerakan, meningkatkan tingkah laku hidup sihat, mengembangkan interaksi dan kemahiran sosial yang juga didukung oleh pernyataan Tite, Agi & Dian (2018) iaitu pembelajaran rakan sebaya



berpengaruh terhadap peningkatan keyakinan diri dan bekerjasama sesama pelajar dalam pembelajaran pendidikan jasmani. Hal ini menunjukkan bahawa model pembelajaran rakan sebaya boleh membantu mencapai matlamat pembelajaran abad ke 21 iaitu pembelajaran berpusatkan murid.

Model pembelajaran rakan sebaya telah memberi penekanan terhadap keberkesanan dan kecekapan di dalam meningkatkan domain psikomotor, kognitif dan afektif. Oleh sebab itu, pengkaji telah menjadikan kajian lampau tersebut sebagai permasalahan kajian untuk mengenalpasti keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya kepada sistem pembelajaran pendidikan jasmani di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian dalam kajian ini ialah:

- i. Menenalpasti keberkesanan model pembelajaran rakan sebaya dalam meningkatkan prestasi belajar pendidikan jasmani berdasarkan persepsi pelajar tingkatan 2 SMK ST Peter Bundu, Kuala Penyu, Sabah.
- ii. Menenalpasti tahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif melalui pembelajaran rakan sebaya di kalangan pelajar tingkatan 2 SMK St Peter Bundu Kuala Penyu, Sabah

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas pengkaji telah membentuk beberapa persoalan kajian iaitu

- i. Adakah model pembelajaran rakan sebaya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pendidikan jasmani?
- ii. Adakah model pembelajaran rakan sebaya membantu meningkatkan tahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif?

1.6 Kepentingan Kajian

Kaedah pembelajaran memainkan peranan penting dalam mencapai objektif pelan pendidikan di Malaysia (2013-2025) iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid, serta mengoptimumkan kecekapan sistem. Oleh sebab itu kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap keberkesanan penggunaan kaedah pembelajaran rakan sebaya

dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran rakan sebaya untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar pendidikan jasmani. Pada masa yang sama, pengkaji juga akan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan psikomotor, kognitif dan afektif melalui model pembelajaran rakan sebaya agar dapat mengoptimumpikan kecekapan sistem.

Melalui dapatan kajian ini, diharapkan boleh membantu guru untuk menambah baik kaedah pembelajaran rakan sebaya yang merangkumi pelbagai aspek dalam mencapai objektif pendidikan jasmani iaitu perkembangan psikomotor, kognitif dan afektif pelajar. Guru dapat melihat sejauh mana keberkesanan kaedah pembelajaran rakan sebaya yang kerap digunakan oleh negara maju seperti Australia.



1.7 Definisi Operasional

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi operasional ini membantu penyelidik dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dan dapat mengelakkan daripada kesalahpahaman penggunaan bahasa semasa menjalankan proses kajian ini.

1.7.1 Pembelajaran rakan sebaya

Pembelajaran rakan sebaya adalah satu kaedah pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk memberi pendidikan kepada pelajar. Kaedah pembelajaran rakan sebaya adalah keadaan dimana pelajar akan menjadi tutor kepada pelajar lain bagi membantu guru dalam berinteraksi kepada pelajar. Dalam pelaksanaan kaedah pendekatan ini, tutor yang dipilih perlulah mempunyai prestasi yang baik, konsisten dalam membantu guru dan mempunyai kemahiran berkomunikasi agar pelajar yang dibantu dapat memahami apa yang disampaikan. Guru akan memainkan peranan sebagai pemerhati untuk membantu tutor dan juga pelajar.

1.7.2 Psikomotor

Psikomotor adalah satu pergerakan yang dilakukan dalam menyelesaikan tugas yang diberikan berdasarkan kriteria dan standard. Pelajar perlulah melakukan kemahiran yang telah diarahkan oleh guru dan proses pembelajaran akan dibantu oleh tutor. Psikomotor dilihat apabila pelajar dapat melakukan pergerakan dengan betul sesuai dengan kriteria yang diarahkan oleh pengkaji.

1.7.3 Kognitif

Kognitif adalah proses pembelajaran intelektual yang terdiri daripada enam aspek iaitu pengetahuan atau ingatan, pemahaman, aplikasi, analisis, evaluasi dan mencipta.

Kognitif tercapai apabila pelajar dapat menerangkan dengan jelas apa yang dipelajari secara lisan atau bukan lisan.

1.7.4 Afektif

Afektif terdiri daripada aspek penerimaan, gerak balas, penilaian organisasi dan pembentukan pola hidup. Afektif dikira sebagai berjaya dalam kajian ini apabila pelajar dapat menunjukkan interaksi sosial dan nilai murni semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Interaksi sosial seperti bekerjasama, saling berkomunikasi, dan bertanggungjawab merupakan satu matlamat domain afektif dalam mata pelajaran pendidikan jasmani.

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan dugaan atau jawapan sementara terhadap permasalahan yang dihadapi dan dipecahkan. Hipotesis terbentuk sebagai hubungan antara dua variable atau lebih. Tujuan hipotesis adalah untuk memberi arah pada penelitian dan untuk membatasi variable yang digunakan. Dalam kajian ini, terdapat beberapa hipotesis nol dan hipotesis alternatif. Oleh itu, pengkaji membina hipotesis awal dan di bawah adalah hipotesis kajian yang dibina dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1.8.1 Hipotesis Nol (H_0)

Tidak ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Psikomotor dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.

- i. Tidak ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Kognitif dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.

- ii. Tidak ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Afektif dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.
- iii. Tidak ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan secara keseluruhan dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.

1.8.2 Hipotesis Alternatif (Ha)

- i. Ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Psikomotor dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu
- ii. Ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Kognitif dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.
- iii. Ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan Afektif dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.
- iv. Ada pengaruh signifikan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap tahap penguasaan secara keseluruhan dalam mata pelajaran pendidikan jasmani di SMK St Peter Bundu, Kuala Penyu.

Dalam sebuah hipotesis, terdapat ketentuan iaitu apabila hipotesis alternatif (H_a) diterima, maka hipotesis nol (H_o) akan ditolak dan apabila hipotesis alternatif (H_a) ditolak, maka hipotesis nol (H_o) diterima.

1.9 BATASAN KAJIAN

1.9.1 Delimitasi

Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan 2 yang terdiri daripada pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Pelajar tingkatan 2 dipilih oleh pengkaji sebagai responden kerana mempunyai tahap motivasi belajar yang tinggi terhadap pendidikan jasmani dan standard pembelajaran yang sesuai dengan objektif kajian.

1.9.2 Limitasi kajian

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif, iaitu menggunakan kaedah soal selidik dan kaedah pemerhatian terhadap responden. Kebolehpercayaan dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab item-item di dalam soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji (Yuhanis, 2015). Komitmen yang ditunjukkan oleh pelajar tingkatan 2 dalam melibatkan diri dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga memainkan peranan penting dalam kejayaan kajian ini.

1.10 RUMUSAN

Bab ini menerangkan mengenai kajian yang ingin saya jalankan, pernyataan masalah yang menjadi tunjang utama kepada kajian ini, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian berkaitan dengan kaedah pembelajaran rakan sebaya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan jasmani. Disamping itu, Batasan kajian dan definisi operasional turut diperincikan untuk melihat dengan jelas objektif kajian ini. Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan perancangan awal dan matlamat kajian dijalankan.